



ANALISIS LITERATUR KAJIAN PEMBANGUNAN WAKAF DALAM INDEX SCOPUS

Hasliza Talib¹, Nurhayati Abdul Ghani², Mohd Musa Sarip²

¹Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Hasliza binti Talib. Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: hasliza@kuis.edu.my

Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan untuk menentukan arah aliran analisis pembangunan wakaf yang diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus. Data diperoleh daripada Scopus pada 14 September 2023, dengan analisis bibliometrik dan SLR yang digunakan melalui perisian VOSViewer dan Ms. Excel sebagai alat analisis. Keputusan menunjukkan tren kajian berkaitan pembangunan wakaf telah meningkat sejak 1952 dengan jumlah keseluruhan 71 dokumen. Jenis dokumen terbahagi kepada 40 artikel jurnal (56%), 16 Bab Buku (22%), 9 Kertas Persidangan (13%), 4 Ulasan (6%) dan 2 buku (3%). Semua dokumen ditulis mencakupi Bahasa Inggeris (68), Bahasa Arab (2) dan Bahasa Turki (1). Jurnal yang paling produktif mengeluarkan artikel dalam bidang pembangunan wakaf ialah Revitalization of Waqf for Socio-Economic Development, Volume I (8) Intellectual Discourse Jurnal UIAM (3) dan Isra International Journal Of Islamic Finance (3). Manakala pengarang yang paling produktif ialah Mahamood, S.M. (6), negara yang paling produktif ialah Malaysia (46) dan diikuti oleh Indonesia (12) serta institusi paling produktif ialah UIAM (16) dan UiTM (16). Artikel yang mendapat sitasi paling tinggi dan menjadi sumber inspirasi dalam penyelidikan pembangunan wakaf ditulis oleh Abdullah M. (54) daripada Markfield, United Kingdom. Berdasarkan analisis kata kunci dan abstrak dalam penyelidikan pembangunan wakaf dapat disimpulkan bahawa peranan institusi yang menguruskan harta wakaf di Malaysia mendapat perhatian pengkaji dari aspek pembangunan hartanah, pembangunan sumber manusia melalui pendidikan, serta pembangunan wakaf tunai.

Kata kunci: Analisis Bibliometrik, Scopus, Kajian Literatur Sistematis, Pembangunan, Harta, Wakaf, VOSViewer

(LITERATURE ANALYSIS OF WAKF DEVELOPMENT STUDY IN THE SCOPUS INDEX)

Abstract:

This research aims to determine the trend of waqf development analysis published in Scopus indexed journals. Data was obtained from Scopus on September 14, 2023, with bibliometric analysis and SLR using VOSViewer software and Ms. Excel as an analysis tool. The results show that the research trend related to waqf development has increased since 1952 with a total of 71 documents. Document types are divided into 40 journal articles (56%), 16 Book Chapters (22%), 9 Conference Papers (13%), 4 Reviews (6%) and 2 books (3%). All documents were written in English (68), Arabic (2) and Turkish (1). The most productive journals publishing articles in the field of waqf development are Revitalization of Waqf for Socio-Economic Development, Volume I (8) Intellectual

Discourse UIAM Journal (3) and Isra International Journal Of Islamic Finance (3). While the most productive author is Mahamood, S.M. (6), the most productive country is Malaysia (46) followed by Indonesia (12) and the most productive institutions are UIAM (16) and UiTM (16). The article that received the highest citation and became a source of inspiration in waqf development research was written by Abdullah M. (54) from Markfield, United Kingdom. Based on the analysis of keywords and abstracts in waqf development research, it can be concluded that the role of institutions that manage waqf property in Malaysia receives the attention of researchers from the aspects of real estate development, human resource development through education, as well as cash waqf development.

Keywords: Bibliometric Analysis, Scopous, Systematic Literature Review, Development, Property, Waqf, VOSViewer

Received: Oct 26, 2023

Accepted: Dec 11, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

1. PENDAHULUAN

Wakaf diperakui sebagai satu instrumen yang berpotensi yang sangat besar dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan masyarakat terutama dalam aspek sosio-ekonomi. Kajian dan penulisan berkaitan dengan pembangunan wakaf adalah sangat meluas dan merangkumi pelbagai aspek. Semakin banyak kajian-kajian yang membangunkan produk-produk atau inovasi wakaf dan dalam masa yang sama isu pengurusan dana wakaf juga menjadi semakin signifikan. Kajian-kajian lepas meliputi pelbagai aspek wakaf yang dilaksanakan di beberapa buah negara. Data kajian-kajian tersebut dilaporkan dalam penulisan dan penerbitan Scopus yang mempunyai standard yang diperakui. Oleh yang demikian, penyelidikan ini dibuat bertujuan untuk menentukan arah aliran kajian berkaitan pembangunan wakaf yang diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus dengan menggunakan analisis bibliometrik. Dokumen kajian dianalisis dalam beberapa sub topik iaitu; analisis penyelidik, institusi dan negara paling produktif, analisis sitasi, analisis rangkaian kata kunci dan analisis kandungan abstrak. Hasil kajian menunjukkan tren kajian dan penulisan dalam bidang pembangunan wakaf dalam pangkalan data Scopus yang boleh menjadi panduan untuk agenda kajian pada masa akan datang.

2. KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengertian Wakaf

Wakaf merupakan kalimah bahasa Arab berasal dari perkataan “*al-waqf*” yang merupakan kata terbitan dari perkataan “*waqafa*” yang bermaksud berhenti (*sakana*), menegah (*al-man’u*) dan menahan (*al-habs*). Manakala dari segi istilah, ulama fiqh mentakrifkan wakaf sebagai menahan harta seseorang untuk diwarisi, dijual, dihadiahkan, digadai, disewa dan apa-apa pelupusan oleh pemilik asal serta menyalurkan manfaat harta tersebut kepada umum untuk mendapat keredaan Allah SWT. (Ibn Manzur, 1990: 359) (al-Nawawi, 2005: 225) (al-Sarakhsi, 1986: 27) (Mustafa al-Khin et al., 2009: 213). Secara ringkasnya, harta wakaf merupakan harta milik Allah SWT buat selama-lamanya dengan memegang tiga prinsip utama iaitu pengekalan harta wakaf; agihan manfaat harta wakaf kepada umum dan prinsip *taqqarub* kepada Allah SWT.

Kajian-kajian berkaitan wakaf tidak hanya terhad kepada prinsip-prinsip asa ini sahaja malah berkembang pesat termasuk kajian tren menggunakan analisis bibliometrik.

2.2 Analisis Bibliometrik

Antara kajian-kajian lepas menggunakan analisis bibliometrik berkaitan wakaf ialah Khaled Nour (2021) yang menganalisis status semasa dan perkembangan tren penyelidikan akademik dalam bidang wakaf bagi tempoh 40 tahun yang lalu. Dengan menggunakan kata kunci wakaf, kewangan sosial dan *endowment* daripada pangkalan data WOS dan Scopus, kajian memperoleh 257 artikel terbitan. Pengkaji-pengkaji Malaysia dan Indonesia mendominasi kajian-kajian wakaf berbanding negara-negara-negara Islam yang lain seperti Mesir, Iraq, Syria, Iran, Turkey, India, Pakistan and Burma. Berbeza dengan kajian Apriantoro, Iskandar & Muthoifin (2023)

menggunakan analisis bibliometrik dengan menghadkan tahun 2022-2022 iaitu mengambil kira tempoh serangan wabak COVID 19.

Lailan Safina, Andri & Zuhri (2023) turut menggunakan analisis bibliometrik namun pangkalan data yang dipilih ialah Google Scholar dalam tempoh antara 2018 dan 2022 dengan menggunakan kata kunci 'bank wakaf mikro'. Sebanyak 43 artikel berjaya diperolehi dengan menghadkan hanya kepada artikel jurnal sahaja. Daripada jumlah tersebut, 36 artikel menggunakan kaedah kualitatif dan lebih daripada 20 artikel membincangkan peranan bank wakaf mikro dalam memperkasakan ekonomi. Kajian-kajian tersebut memberi penekanan kepada memperkasakan industri kecil dan sederhana serta meningkatkan kebajikan rakyat menggunakan dana wakaf.

Selari dengan peredaran masa yang banyak bergantung dengan teknologi, pergerakan yang pantas maka wakaf tunai juga tidak terkecuali menjadi perhatian pengkaji untuk dianalisis menggunakan bibliometrik antaranya Annisa Aprilianti, Nur Azizah Bayinah & Handoko (2023) dan Firdaus & Rizal (2021). Annisa Aprilianti, Nur Azizah Bayinah & Handoko (2023) menunjukkan arah aliran analisis wakaf tunai yang diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus pada 07 Disember 2022. Keputusan menunjukkan bahawa 93 dokumen mengenai tren wakaf tunai meningkat dalam beberapa tahun. Dapatan ini membuktikan wakaf tunai telah diterima baik oleh masyarakat dan akan terus berkembang pada masa akan datang. Kenyataan ini menyokong dapatan Firdaus & Rizal (2021) yang menyatakan wakaf tunai menjadi isu penting sebagai jalan penyelesaian untuk meningkatkan kebajikan masyarakat. Firdaus & Rizal (2021) memperoleh 43 artikel menggunakan pencarian 'wakaf tunai' dalam tajuk artikel menggunakan pangkalan data Scopus. Manakala tajuk carian dengan perkataan 'wakaf tunai' menggunakan pangkalan data Google Scholar memperoleh sebanyak 529 dokumen. Dapatan ini memperkukuhkan dapatan sebelum ini yang menyatakan wakaf tunai terus berkembang dalam memenuhi keperluan masyarakat, namun perkembangan tersebut perlu selari dengan pembangunan wakaf itu sendiri.

2.3 Pembangunan Wakaf

Pembangunan wakaf merujuk kepada usaha untuk mengurus dan mengembangkan aset wakaf dengan tujuan meningkatkan kadar kemampuannya bagi memberi manfaat yang lebih besar dan menyeluruh kepada masyarakat. Beberapa aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam membangunkan aset wakaf ialah perlu mengenal pasti jenis aset yang terlibat serta membuat perancangan yang tersusun bagi memastikan aset tersebut memberi impak positif kepada masyarakat (Mohamad As Syaqqim et al. 2023). Selain itu penilaian dan pengawasan yang berterusan perlu dititikberatkan dalam setiap projek yang dijalankan bagi mengelakkan ketirisan dan penyelewangan (Siti Salwani, Hairunnizam & Mohd Faisol 2022).

Pembangunan wakaf dapat menjadi alat yang sangat efektif untuk meningkatkan kesejahteraan dan mempromosikan nilai-nilai sosial dalam masyarakat. Namun, perlu diingat bahwa pembangunan wakaf harus dilakukan dengan jujur dan amanah bagi memastikan manfaatnya benar-benar dirasakan oleh masyarakat yang memerlukan. Manfaat besar yang boleh diperolehi daripada pembangunan wakaf ialah pembangunan ekonomi melalui agihan semula kekayaan. Wakaf merupakan mekanisme agihan semula kekayaan yang unik kerana pewakaf melakukannya secara sukarela dengan niat mendapat keredaan Allah SWT (Asmak, 2009).

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa pembangunan wakaf memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat. Kajian-kajian ini membincangkan pelbagai aspek berkaitan pembangunan wakaf seperti pengurusan harta wakaf, pembangunan aset wakaf, dan impak pelaksanaan projek wakaf terhadap ekonomi masyarakat setempat. Kajian berkaitan pembangunan wakaf Ahmad Shazrin, Noor Rosly & Siti Mashitoh (2022) menfokuskan kepada pembangunan tanah wakaf. Pengkaji telah mengenalpasti tiga cabaran utama iaitu cabaran dari sudut undang-undang, pentadbiran dan pelaksanaan untuk mematuhi peraturan sama ada dari sudut undang-undang syariah mahupun sivil. Pengkaji telah mencadangkan penggunaan Model Struktur dan Agensi sebagai asas kepada memahami dan menyelesaikan isu-isu tersebut. Berbeza dengan kajian Baihaki, Azreen Hamiza & Zakaria (2020) berkaitan pelaksanaan pembangunan harta wakaf. Kajian ini telah mengenal pasti bentuk-bentuk pembangunan harta wakaf dalam sektor komersial di negeri Pulau Pinang serta menganalisis potensi perolehan pembangunan harta wakaf tersebut.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada analisis bibliometrik ke atas penerbitan bertulis untuk mendapatkan hasil analisa secara kuantitatif (Egghe & Rousseau, 1990; Wolfram, 2003). Analisis bibliometrik penting kerana ia dapat menilai produktiviti penyelidikan yang telah dijalankan. Analisis bibliometrik merupakan salah satu cara yang cepat untuk melihat tren penyelidikan yang merentas negara, institusi, pengarang dan lain-lain. Hal ini juga membantu untuk visualisasi set data yang besar, mengenal pasti topik, bidang khusus dan penyelidikan serta menyokong tinjauan literatur secara sistematik.

Selain itu juga, maklumat yang diperoleh daripada analisis bibliometrik dapat dijadikan panduan menilai penyelidikan dan memberi manfaat kepada agensi-agensi penyelidikan untuk mengurus dasar berkaitan peruntukan pembiayaan penyelidikan. Tambahan pula, dapatan daripada analisis bibliometrik juga dapat menjelaskan faktor-faktor yang dapat memberikan sumbangan dalam bidang kajian.

Dalam kajian ini sumber data bibliometrik diambil daripada pangkalan data Scopus. Ini kerana Scopus merupakan pangkalan data berindeks dengan multi disiplin ilmu terbesar diterbitkan oleh Elsevier dan kerap kali digunakan sebagai rujukan utama dalam sesuatu kajian ilmiah. Pangkalan data Scopus mengindeks jurnal saintifik melebihi 82 juta dokumen bermula pada tahun 1788, manakala 1.7 billion lebih rujukan yang dipetik sejak tahun 1970 dan 17 juta lebih pengarang yang telah menerbitkan penulisan mereka. Bukan itu sahaja, Scopus turut menyediakan pangkalan data yang lengkap mengenai pengarang, bidang, negara, institusi, petikan indeks atau sitasi (Mohd Syukri & Faizuri 2022). Selain itu, kajian ini menumpukan sepenuhnya pangkalan data Scopus kerana bersifat menyeluruh dalam bidang sains sosial. Memandangkan pangkalan data Scopus memiliki kekuatan berbanding pangkalan data yang lain, maka penulis melakukan kajian bibliometrik berdasarkan artikel diindeks oleh Scopus.

Kajian ini menggunakan data-data yang telah diakses pada 14 September 2023 daripada pangkalan data Scopus. Kata kunci yang digunakan dalam pencarian data ialah “*waqf*” AND “*development*” dengan membuat limitasi kepada tajuk dokumen. Analisis dilakukan pada hari yang sama untuk mengelakkan berat sebelah (bias) akibat daripada kemas kini berkala pangkalan data. Data bibliometrik telah diimport ke Microsoft Excel 2019 untuk memerhati corak penyelidikan dari segi ciri hasil (output) penerbitan. Perisian VOSviewer (Van Eck & Waltman, 2010) telah digunakan untuk menggambarkan rangkaian kolaborasi dan memetakan kelompok penyelidikan melalui analisis kata kunci. Hanya kata kunci dengan frekuensi lima dipilih ($n \geq 5$) bagi tujuan analisis tersebut.

Oleh itu analisis bibliometrik dijalankan untuk meneroka perkembangan tren penyelidikan berasaskan kepada pembangunan wakaf. Selain itu, analisis ini turut dilakukan untuk mengulas maklumat berkaitan dokumen penyelidikan pembangunan wakaf melibatkan aspek-aspek seperti analisis penyelidikan, institusi dan negara paling produktif, analisis sitasi, analisis rangkaian kata kunci dan analisis kandungan abstrak.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil carian telah menemukan sebanyak 71 makalah penyelidikan pembangunan wakaf telah dihasilkan dari tahun 1952 hingga 2023. Kesemua 71 artikel ini dianalisis dengan kaedah bibliometrik serta analisis kata kunci dan analisis kandungan abstrak menggunakan perisian VOSviewer.

Secara umumnya, tren penulisan berkaitan wakaf meningkat mengikut tahun bermula tahun 1952 sehingga 2023 kecuali pada tahun 2020. Tren penerbitan kajian pembangunan wakaf dalam Graf 1 di bawah menunjukkan jumlah penulisan mengikut tahun tersebut. Bilangan artikel pembangunan wakaf yang mengalami tren positif kecuali pada tahun 2020 bersamaan dengan penyebaran wabak COVID19. Artikel pertama yang diterbitkan ialah pada tahun 1952 yang ditulis oleh Anderson J.N.D dengan tajuk artikel “*Recent Developments in Shari’a Law IX: The Waqf System*”. Selepas daripada itu tiada dokumen yang diterbitkan oleh Scopus yang mempunyai teks “*waqf*” AND “*development*” sebagai tajuk dokumen sehingga tahun 2000. Bermula tahun 2014


tren peningkatan penerbitan telah bermula namun mengalami kemerosotan pada tahun 2020. Daripada keseluruhan 71 dokumen yang diterbitkan, 40 (56%) merupakan artikel jurnal, 16 (22%) merupakan bab dalam buku, 9 (13%) kertas persidangan, 4 (6%) ulasan dan 2 (3%) adalah buku. Semua dokumen ditulis mencakupi Bahasa Inggeris (68), Bahasa Arab (2) dan Bahasa Turki (1).



Sumber: Scopus.Com dan Excel (2023)

Kajian berkaitan pembangunan wakaf telah diterbitkan dalam pelbagai bidang seperti ditunjukkan dalam Carta 1. Merujuk pangkalan data Scopus, 20.4% adalah dalam bidang Sains Sosial, 19.7% dalam bidang Ekonomi, Ekonometrik dan Kewangan, 15.8% dalam bidang Bisnes, Pengurusan dan Perakaunan, 14.5% bidang Sastera dan Kemanusiaan dan 7.9% dalam bidang Kejuruteraan. Selebihnya, baki 21.7% melibatkan bidang-bidang lain seperti Sains Persekitaran, Sains Komputer, Tenaga, Pertanian dan Sains Biologi, Bumi dan Sains Planet dan lain-lain.

Carta 1: Bidang Penerbitan



Sumber: Scopus.Com (2023)

4.1 Analisis Penyelidik, Institusi dan Negara Paling Produktif

Daripada kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa penyelidikan pembangunan wakaf dalam Scopus telah dibuat seawal tahun 1952 oleh Anderson, J.N.D dengan tajuk artikel “*Recent Developments in Shari’a Law IX: The Waqf System*” dengan memperolehi empat sitasi. Namun tiada penerbitan selepas tahun 1952 sehingga ke tahun 2000. Bilangan dokumen penyelidikan pembangunan wakaf mula konsisten sejak 2013 hingga 2023. Penyelidikan pembangunan wakaf mengalami perkembangan yang baik pada tahun 2019 dengan 12 dokumen dihasilkan. Perkara ini memperlihatkan kesedaran terhadap penyelidikan pembangunan wakaf di kalangan penyelidik. Namun demikian, perkembangan tren penyelidikan pembangunan wakaf bersifat naik turun. Walau bagaimanapun, bilangan penerbitan yang dihasilkan dari tahun 2019 hingga 2023 didapati melebihi 40 dokumen. Oleh itu, perkara ini menggambarkan penyelidikan pembangunan wakaf diberikan fokus dalam mengkaji isu-isu berkaitan wakaf secara umum.

Mengikut data, seramai 136 penulis daripada 71 artikel telah mengambil bahagian dalam penyelidikan kajian pembangunan wakaf. Jadual 1 menunjukkan lapan orang penulis yang menghasilkan artikel terbanyak dengan diungguli oleh Mahamood, S.M. sebanyak enam artikel, diikuti oleh Hanif, N.R dan Azmi, A.S.M., masing-masing menghasilkan lima artikel.

Mahamood, S.M ialah Profesor Madya Dr Siti Mashitoh Mahamood yang kini merupakan Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya pada tahun 1992. Pada tahun 1996, beliau telah dianugerahkan Sarjana Syariah oleh Universiti yang sama. Beliau menamatkan pengajian kedoktorannya pada tahun 2000 di Universiti Birmingham, United Kingdom di mana beliau mengkhusus dalam Wakaf dan Undang-undang Harta Islam (UM, 2023).

Hanif, N.R. pula merupakan Profesor di Fakulti Perniagaan Universiti Antarabangsa Malaya-Wales (IUMW). Beliau merupakan Dekan Fakulti Alam Bina UM dari 2009 hingga 2014 dan antara perintis yang membina Program Hartanah di Fakulti Alam Bina di UM. Nama penuh beliau ialah Prof. Sr Dr Noor Rosly bin Hanif (IUMW, 2023). Manakala Azmi, A.S.M ialah Sr Dr Ahmad Shazrin Mohamed Azmi merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah, Fakulti Seni Bina UiTM Shah Alam. Memperolehi Ijazah PhD

dalam bidang Pembangunan Hartanah dan Alam Sekitar, Universiti Malaya 2020. (UITM, 2023). Manakala penulis-penulis lain pula telah menghasilkan satu atau dua artikel sahaja seperti dalam Jadual 1.

Dalam konteks maklumat pengarang, Profesor Madya Dr Siti Mashitoh Mahamood dari Malaysia merupakan pengarang yang paling aktif. Manakala pengarang yang mendapat sitasi tertinggi ialah Dr. Mohamad Abdullah dari United Kingdom. Dapatan ini boleh menunjukkan kedua-dua tokoh ini telah menyumbang idea dalam bidang pembangunan wakaf dan boleh menjadi sumber rujukan bagi penyelidik-penyelidik yang baharu.

Analisis dari aspek pola prestasi institusi pengajian tinggi (IPT), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) mencatatkan penerbitan yang tertinggi iaitu masing-masing 16 artikel. Manakala Universiti Malaya (UM) menerbitkan 13 artikel diikuti oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) lima artikel. Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia dan INCEIF Malaysia masing-masing menerbitkan tiga artikel. Berbaki 42 universiti lain menerbitkan antara satu dan dua artikel.

Jadual 1: Penyelidik, Institusi dan Negara Paling Produktif

Penulis	Bil	Institusi	Bil	Negara	Bil
Mahamood, S.M.	6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	16	Malaysia	46
Hanif, N.R.	5	Universiti Teknologi MARA	16	Indonesia	12
Azmi, A.S.M.	5	Universiti Malaya	13	Saudi Arabia	5
Alfares, M.	2	Universiti Sains Islam Malaysia	5	Turkey	5
Ali, S.N.M.	2	Universiti Sains Malaysia	3	Bangladesh	4
Bhari, A.	2	Universiti Kebangsaan Malaysia	3	Nigeria	2
Chuweni, N.N.	2	INCEIF University Malaysia	3	United Arab Emirates	2
Huda, M.	2	-	-	United Kingdom	2

Sumber: Scopus.Com dan Excel (2023)

4.2 Analisis Sitasi

Artikel berkaitan pembangunan wakaf mendapat sitasi yang cemerlang dengan keseluruhan jumlah sitasi mencapai 330. Artikel yang mendapat sitasi paling tinggi ditulis oleh Abdullah M. (2018) “*Waqf, Sustainable Development Goals (SDGs) and Maqasid al-Shariah*” dengan jumlah 53 sitasi. Dr. Mohamad Abdullah berkhidmat sebagai Ketua Jabatan di Habib Bank AG Zurich (Switzerland) United Kingdom. Mempunyai pengalaman luas dalam akademik dan juga Profesional dalam Kewangan Islam, Penasihat Syariah, Latihan Syariah dan Kewangan Sosial Islam. Berkepakaran dalam pengajian wakaf dan merupakan penasihat syariah dan juruaudit bertaualiah (CSAA) daripada AAOIFI. Dr Muhammad Abdullah telah menghasilkan beberapa kertas penyelidikan dalam bidang kewangan Islam dan pengajian wakaf (Researchgate.net 2023). Hasil kajiannya bertajuk “*Waqf, Sustainable Development Goals (SDGs) and Maqasid al-Shariah*” mendapati 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) adalah selari dengan maqasid syariah dengan membangunkan pelan pembangunan berasaskan wakaf.

Jadual 2 menyenaraikan tajuk-tajuk artikel serta nama-nama penulis yang memperolehi lebih daripada 10 sitasi. Artikel-artikel yang dihasilkan berkaitan pembangunan wakaf telah merentasi pelbagai disiplin ilmu termasuk sains sosial, sastera dan kemanusiaan, ekonomi, perniagaan serta perakaunan.

Artikel yang mendapat sitasi kedua terbanyak (28 sitasi) ialah artikel bertajuk “*The Development of Waqf Accounting in Enhancing Accountability*” yang ditulis oleh Masruki R. dan Shafii Z. dalam Middle East Journal of Scientific Research pada tahun 2013. Ini diikuti oleh artikel dengan 26 sitasi bertajuk “*Application of Waqf for Social and Development Finance*”(2017) terbitan ISRA International Journal of Islamic Finance. Artikel tahun 2014 bertajuk “*The role of share waqf in the socio-economic development of the Muslim community: The Malaysian experience*” mendapat 23 sitasi. Bilangan sitasi ini menunjukkan bidang-bidang yang menjadi rujukan

pengkaji. Daripada 9 artikel yang mendapat sitasi terbanyak, 3 daripadanya adalah terbitan journal ISRA. ISRA atau International Shariah Research Academy merupakan satu institusi penyelidikan yang memfokuskan kepada penyelidikan bidang syariah termasuk kajian waqf, dan ia menjadi rujukan pengkaji-pengkaji dalam bidang waqf.

Jadual 2: Bilangan Sitasi Artikel

BIL	TAJUK	PENULIS	JURNAL	SITASI
1	Waqf, Sustainable Development Goals (SDGs) and Maqasid al-Shariah	Abdullah M. (2018)	International Journal of Social Economics	53
2	The Development of Waqf Accounting in Enhancing Accountability	Masruki R., Shafii Z. (2013)	Middle East Journal of Scientific Research	28
3	Application of Waqf For Social and Development Finance	Shaikh S.A., Ismail A.G., Mohd Shafiai M.H. (2017)	ISRA International Journal of Islamic Finance	26
4	The Role of Share Waqf in the Socio-economic Development of the Muslim Community: The Malaysian Experience	Suhaimi F.M., Ab Rahman A., Marican S. (2014)	Humanomics	23
5	Factors Influencing the Adoption of the Crowd Funding-Waqf Model (CWM) in the Waqf Land Development	Mohd Thas Thaker M.A.B.(2018)	Journal of Islamic Marketing	22
6	An Exploratory Study On Musharakah SRI Sukuk For The Development Of Waqf Properties/Assets In Malaysia	Zain N.S., Muhamad Sori Z. (2020)	Qualitative Research in Financial Markets	17
7	Waqf And Its Role In Socio-Economic Development	Zuki M.S.M. (2012)	ISRA International Journal of Islamic Finance	16
8	The Management Of Cash Waqf: Toward Socio-Economic Development Of Muslims In Malaysia	Sanusi S., Shafiai M.H.M. (2015)	Jurnal Pengurusan	13
9	Cash Waqf Model For Micro Enterprises' Human Capital Development	Mohd Thas Thaker M.A., Amin M.F., Mohd Thas Thaker H., Khaliq A., Allah Pitchay A. (2020)	ISRA International Journal of Islamic Finance	11

Sumber: Scopus.Com dan Excel (2023)

4.3 Analisis Rangkaian Kata Kunci

Dalam kajian ini sebanyak 223 kata kunci telah diekstrak daripada 71 buah dokumen penyelidikan pembangunan dari tahun 1952 hingga 2023. Kata kunci tersebut diperolehi daripada kata kunci pengarang yang direkodkan dalam setiap dokumen yang diindeks dalam pangkalan data Scopus. Perisian VOSviewer digunakan untuk menganalisis kata kunci yang digunakan dengan bilangan kekerapan minimum yang ditetapkan ialah 3. Keputusan analisis kata kunci yang diekstrak diilustrasikan dalam Rajah 1. Setiap kata kunci tersebut dibahagikan kepada tiga kluster yang dominan dengan diwakili nod berwarna hijau, biru, dan merah bagi setiap kluster. Ia merupakan tiga kata kunci yang kerap digunakan oleh penyelidik-penyelidik lepas dalam bidang pembangunan wakaf iaitu “Malaysia”, “*waqf*” dan “*development*”. Ini bermaksud kajian-kajian wakaf di Malaysia telah mendominasi kajian-kajian pembangunan wakaf dalam pangkalan data Scopus.

Rajah 1 juga menggambarkan semakin dekat jarak antara kata kunci maka semakin kuat hubungan antara kata kunci tersebut. Sebagai contoh, jarak antara kata kunci “Malaysia” dan “*property development*” adalah dekat. Ini bermakna, kata kunci “Malaysia” dan “*property development*” mempunyai pengaruh yang kuat iaitu banyak penulisan kajian di Malaysia membincangkan mengenai pembangunan harta wakaf. Begitu juga kata kunci “*sustainable development*”, “*Islamic social finance*” dan “*Islamic finance*” mempunyai hubungan yang kuat antara satu sama lain dan dibincangkan dalam topik wakaf tunai. Pembangunan insan juga mempunyai hubungan yang kuat dengan topik wakaf tunai. Merujuk kepada kluster “*development*”, terdapat tiga kata kunci yang mempunyai hubungan yang kuat iaitu “*financing*”, “*sukuk*” dan “*infrastruktur*”. Sehubungan itu, kata kunci penyelidikan pembangunan wakaf yang telah dianalisis ini dapat memberikan gambaran berkaitan topik-topik penting yang menjadi tumpuan kajian pembangunan wakaf yang telah dijalankan sejak 1952.


Maklumat berkaitan kata kunci yang sering digunakan oleh pengarang dalam kajian pembangunan wakaf ialah “*property development*”, “*sustainable development*” dan “*human development*”. Sehubungan itu, kata kunci penyelidikan pembangunan wakaf yang telah dianalisis ini dapat memberikan gambaran berkaitan topik-topik penting dan perkembangan tren penyelidikan pembangunan wakaf yang telah dijalankan bermula 1952.

Bagi kata kunci “*property development*” memperlihatkan penyelidikan pembangunan wakaf mempunyai perkaitan untuk memastikan harta-harta wakaf perlu dibangunkan bagi memberi impak yang lebih besar kepada masyarakat dan negara. Pelbagai kajian dan cadangan telah diusahakan bagi memastikan tanah-tanah wakaf dapat dimajukan dan dikembangkan secara komersial antaranya mewujudkan badan-badan profesional dan korporat serta pengurusan risiko yang cekap. Ahmad Syazrin et.al (2022) (Mohammed Alomair 2018) (Radovanović 2023).

Bagi kata kunci “*sustainable development*” banyak menekankan aspek peranan yang perlu dimainkan oleh agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan wakaf seperti yang ditekankan dalam Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDGs*). Semua kajian di negara-negara terlibat seperti Malaysia, Indonesia, Filipina, Iran, Bosnia, Nigeria, Bangladesh dan UAE menekankan peranan wakaf yang sangat penting dalam mencapai pembangunan mampan sesebuah negara (Ali, K.M., Kassim, S. 2021), (Nabi, M.G., et. All 2019), (Smolo, E. 2019, Soleimani, M., Kiaee, H. 2021).

Pembangunan mampan yang selari untuk mencapai matlamat SDGs adalah sangat mustahil untuk dicapai tanpa pembangunan sumber manusia. Maka kata kunci “*human development*” juga telah menjadi fokus utama dalam kajian pembangunan wakaf dengan menekankan aspek pendidikan dalam melahirkan sumber manusia yang berkepakaran dan profesional. Dana wakaf terutama wakaf tunai yang disalurkan kepada institusi pendidikan telah membantu bukan sahaja dari sudut infrastruktur dan peralatan institusi malah mampu menyediakan tenaga pakar yang berkemahiran dalam pelbagai sektor seperti perindustrian, pertanian, pengurusan, sains dan teknologi juga termasuk pengajian Islam. Institusi pendidikan dapat berfungsi sebagai pusat pemberdayaan masyarakat, memberikan pelatihan dan kemahiran kepada masyarakat sekitar.

Rajah 1: Visualisasi Melalui Rangkaian Kata Kunci




Sumber: VOSviewer 2023

4.4 Analisis Melalui Kandungan Abstrak

Kajian ini meneliti kandungan abstrak daripada 71 dokumen yang dikumpul menggunakan perisian VOSviewer. Secara khusus, analisis ini menggunakan kaedah pengiraan penuh dalam pembinaan rangkaian bersama. Dalam analisis ini, perkataan yang berulang dalam tajuk dan abstrak ditentukan dengan nilai minimum sebanyak 10 kali. Sehubungan itu, sebanyak 52 kata kunci daripada 1966 kata kunci telah menepati syarat yang ditetapkan. Dengan mengambil kira 60% keperluan skor relevan kata kunci, maka sebanyak 31 kata kunci daripada 52 kata kunci seperti dalam Rajah 2 telah dipetakan dengan jaringan perkaitan antara satu sama lain. Analisis kandungan abstrak dalam Rajah 2 juga menggambarkan sebanyak 52 perkataan telah dikelompokkan ke dalam empat kluster dengan warna yang berbeza, iaitu merah, biru, hijau dan kuning yang mewakili kluster “role”, “institution”, “Malaysia” dan “property”.

Berdasarkan Rajah 2, saiz bulatan atau nod memperlihatkan kekerapan perkataan yang digunakan dalam tajuk dan abstrak manakala ketebalan rangkaian pula menggambarkan kekuatan hubungan antara perkataan-perkataan tersebut. Perkataan yang sering ditulis secara bersama dalam penulisan abstrak digambarkan dalam bulatan atau nod dengan warna yang sama. Perkataan “Malaysia”, “*waqf land*”, “*land*”, “*issue*”, “SIRC”, “SPDE” dan “*need*” telah dikelompokkan ke dalam satu kluster yang berwarna sama iaitu hijau. Perkara ini bermakna perkataan tersebut sering muncul secara bersama dalam penulisan abstrak. Penulisan pembangunan wakaf di Malaysia banyak membincangkan isu dan permasalahan dalam wakaf tanah dan hartanah yang dihadapi oleh institusi seperti State Islamic Religious Council (SIRC) iaitu Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan SPDE; agensi swasta yang dilantik oleh MAIN. Kluster merah membincangkan peranan wakaf dan potensi wakaf dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat, dari segi sosio-ekonomi, pendidikan, pembangunan insan dan matlamat pembangunan lestari (SDG).


Rajah 2: Visualisasi rangkaian perkataan dalam abstrak



Sumber: VOSviewer 2023

Manakala Rajah 3 pula memaparkan ketumpatan perkataan dalam tajuk dan abstrak bagi dokumen pembangunan wakaf. Terdapat empat perkataan yang mempunyai ketumpatan yang paling tinggi iaitu “Malaysia”, “institution”, “role” dan “property”. Ini menunjukkan bahawa perkataan-perkataan tersebut paling banyak diulang dalam dokumen pembangunan wakaf. Kajian lanjut dalam bidang wakaf boleh menumpukan kepada peranan institusi dalam membangunkan harta dan hartanah wakaf di Malaysia.

Rajah 3: Visualisasi Melalui Ketumpatan Perkataan Dalam Abstrak



Sumber: VOSviewer 2023

5. KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa penyelidikan tentang pembangunan wakaf merupakan satu kajian yang mendalam, bagaimana wakaf dapat digunakan sebagai alat pembangunan sosial, ekonomi, dan pendidikan. Penyelidikan ini merangkumi aspek pengurusan dana wakaf, pemberdayaan ekonomi melalui dana wakaf termasuk menangani masalah kemiskinan, pembangunan infrastruktur sosial melalui dana wakaf seperti hospital, pusat pengajian, pusat komoniti dan masjid serta pembangunan pendidikan melalui dana wakaf bagi melahirkan sumber manusia yang berilmu dan berkemahiran.

Artikel ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada kajian akan datang mengenai pembangunan wakaf. Wakaf terbukti sangat berperanan dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat melalui penyelidikan sebelum ini di beberapa buah negara yang telah disebut sebelum ini. Tren penyelidikan semakin memberikan tumpuan kepada wakaf tunai, wakaf tanah dan harta tak alih serta wakaf korporat. Perkembangan penyelidikan pembangunan wakaf diharapkan dapat membantu menyelesaikan kepada banyak permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat masa kini dan akan datang.

RUJUKAN

- Ahmad Shazrin, M.A., Noor Rosly, H. & Siti Mashitoh, M. 2022. Mitigating the Structural Governing Challenges for Waqf Land Development in Malaysia Through Special Property Development Entity (SPDE). *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 1067(1): 0–8.
- Ali, K.M., Kassim, S. 2021. Development of waqf forest in Indonesia: The SWOT-ANP analysis of bogor waqf forest program by bogor waqf forest foundation. *Jurnal Manajemen Hutan Tropika*, Volume 27, Issue 1, 1 August 2021, Pages 89-99
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syarf (2005). *al-Majmu' Syarh al-muhadhab*. Juz. 16, Beirut: Dar al-Fikr
- al-Sarakhsi, Syams al-Din (1986). *al-Mabsut*. jld. 12, Beirut: Dar al-Marifah
- Asmak, A.R. 2009. Peranan Wakaf Dalam Pembangunan. *Shariah Journal* 17(1): 113–152.

- Baihaki, A., Azreen Hamiza, A.A. & Zakaria, B. 2020. Pelaksanaan Pembangunan Harta Wakaf di Negeri Pulau Pinang dalam Sektor Komersial. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)* 3(14): 1–13.
- Egghe, L., & Rousseau, R. (1990). Introduction to informetrics: Quantitative methods in library, documentation and information science. New York: Elsevier Science Publishers.
- Firdaus, N. & Rizal, R. 2021. Bibliometric Analysis of Research of Cash Waqf Using Vosviewer. *Al-Falah : Journal of Islamic Economics* 6(2): 198.
- Gamon, A.D., Tagoranao, M.S. 2018. The role of waqf properties in the development of the islamic institutions in the philippines: Issues and challenges. *Intellectual Discourse*. Volume 26, December 20 2018, Pages 1191-1212.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn. Mukarram (1990). Lisan al-‘Arab. jld. 9. Beirut: Dar Sadr. Ibn
- Lailan Safina, H., Andri, S. & Zuhri, N. 2023. Mumtaz : Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam. *Mumtaz : Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam* 2(2): 1–11.
- Mohamad As Syaqqim, M.I., Azima, A.M., Ahamd Dahlan, S., Abdul Jalil, O., Zaimah, R. & Suraiya, I. 2023. Kerelevanan Wakaf dalam Mengurus Tanah Terbiar di Malaysia. *Akademika* 93(1): 1–23.
- Mohammed Alomair. 2018. Governance and Accountability in Corporate Waqf Institutions in Saudi Arabia.
- Mohd Syukri, Z.A. & Faizuri, A.L. 2022. Kajian Bibliometrik Penerbitan Mengenai al-Ghazali dalam Pangkalan Data Scopus. *Islamiyyat* 44(IK): 41–52.
- Mustafa al-Khin et al., (2009). al-Fiqh al-Manhaji, juz. 2. cetakan ke-10, Damsyik: Dar al-Qalam
- Nabi, M.G., Islam, A., Bakar, R., Masuduzzaman, M. 2019. Using Waqf for Socio-Economic Development in Bangladesh: Potentials, Challenges, and Policy Directions. *Revitalization of Waqf for Socio-Economic Development*, Volume I. Volume 1, 1 January 2019, Pages 107-133
- Radovanović, J. 2023. Place without an Owner: Urban Modernization and Waqf Property in post-Ottoman Niš. *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 66(5–6): 677–706.
- Researchgate.net (2023) <https://www.researchgate.net/profile/Mohammad-Abdullah-18>
- Siti Salwani, M., Hairunnizam, W. & Mohd Faisol, I. 2022. Kajian Terhadap Isu Pembelian Tanah Wakaf Menerusi Wakaf Tunai Di Negeri Selangor. *Jurnal Syariah* 1(July 2021): 1–33.
- Smolo, E. 2019. The Role of Waqf (Endowment) in Economic Development of Bosnia and Herzegovina: A Historical Overview and Future Prospects. *Revitalization of Waqf for Socio-Economic Development*, Volume I. Volume 1, 1 January 2019, Pages 85-105
- Soleimani, M., Kiaee, H. 2021. Altruism a critical prerequisite for sustainable development: Implications for waqf institutions in the Islamic Republic of Iran. *Dlm Foundations of a Sustainable Economy: Moral, Ethical and Religious Perspectives*. Taylor and Francis Inc.
- UiTM (2023) https://kab.uitm.edu.my/images/Staff/CV/EM/Pppht_Ahmad_Shazrin.pdf
- Universiti Antarabangsa Malaya-Wale (2023) (<https://www.iuw.edu.my/teams/noor-rosly-bin-hanif/>).
- Universiti Malaya (2023) <https://umexpert.um.edu.my/mas68>
- Van Eck, N., & Waltman, L. (2010). Software survey: VOSviewer, a computer program for bibliometric mapping. *Scientometrics*, 84 (2), 523-538.
- Wolfram, D. (2003). Applied informetrics for information retrieval research. *New Direction in Information Management* no. 36. Westport, CT: Greenwood Publishing Group.